



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

2 NOVEMBER, KHAMIS

Penghapusan subsidi ayam perkasa PMKS, perluas bantuan Rahmah

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

Berita Harian

Muka Sepuluh

10

Penghapusan subsidi ayam perkasa PMKS, perluas bantuan Rahmah

- Kumpulan sasar penerima bantuan terus Sumbangan Tunai Rahmah (STR) perlu diperluaskan meliputi M40 atau T20 yang kehilangan sumber pendapatan disebabkan COVID-19 dan kegawatan ekonomi

- Sebahagian penjimatan perlu digunakan untuk membangun PMKS dalam industri ternakan ayam kerana mereka dilihat lebih ikhlas dan setia dalam membantu mencapai matlamat kesejahteraan bersama



Oleh Prof Emeritus Dr Barjoiy Bardai
bhrencana@bh.com.my

Mulai semalam, kerajaan menamatkan sepenuhnya subsidi ayam selepas mengambil kira situasi, trend semasa bekalan serta harga ladang dan kos pengeluaran ayam mulai stabil. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan penamatan harga kawalan ayam menyokong kemampuan industri pengeluaran ayam tempatan, selain dapat meningkatkan perbagal inisiatif sosioekonomi dan kebajikan rakyat termasuk bantuan tunai.

Namun tegasnya, kerajaan memberi jaminan penjualan ayam akan berada di bawah harga siling iaitu RM9.40 sekilogram (kg).

Jika dihitung, setiap orang di Malaysia makan sekitar 130 gram (g) ayam sehari atau 3.95kg sebulan, bersamaan dua ayam sebulan dan 47.4kg setahun berpadanan dengan 24 ayam setahun. Berbanding dengan beras, setiap orang makan 73kg beras setahun atau tidak sampai dua kali ganda daripada penggunaan ayam.

Setiap hari, rakyat Malaysia makan 2.09 juta ekor ayam atau 62.9 juta ayam sebulan. Subsidi diberikan ialah RM100 juta sebulan. Pada berat purata antara 1.8 hingga 2.0kg seekor, subsidi untuk setiap kilogram ialah RM1.59 atau kira-kira RM3 seekor.

Setiap tahun kerajaan akan menjimatkan lebih RM1.2 bilion susulan penarikan balik subsidi ayam ini yang dianggarkan secara kasar berjumlah lebih RM100 juta sebulan.

Pada masa sama, rakyat Malaysia makan 2.8 juta biji telur ayam sehari atau 1.022 bilion telur setahun. Secara purata setiap orang makan sebiji telur bagi setiap 12 hari atau 2.5 biji telur sebulan. Subsidi untuk telur berjumlah lebih RM1.28 bilion sehingga Jun lalu. Setakat ini subsidi telur akan diteruskan sehingga masa tertentu.

Persoalan yang timbul hari ini, mengapa kerajaan menarik balik subsidi ayam. Jika dilihat pada kadar penggunaannya, pengguna dilihat lebih banyak makan ayam berbanding telur.

Malaysia cuba kembali kepada sistem pasaran bebas tanpa campur tangan pihak luar. Pemberian subsidi ini menyebabkan pasaran ayam agak terencat.

Pengapungan harga ayam dan penentuan harga melalui mekanisme permintaan dan penawaran membebaskan industri ternakan ayam di Malaysia.

Pengeluaran ayam di Malaysia mengeluarkan 800

juta ayam setahun. Ini tidak termasuk pengeluaran kecil-kecilan di luar bandar. Daripada jumlah ini, 12 juta digunakan rakyat tempatan dan lebih 90 juta di eksport ke Singapura. Malaysia menyumbang lebih 34 peratus import ayam di Singapura.

Malaysia kini sedang berusaha memperkasakan industri ternakan ayam melalui bantuan insentif pembiayaan dana pusingan kepada penternak bersaiz kecil dan sederhana serta skim mikro kredit kepada penternak komuniti. Kerajaan juga sedang giat mentransformasi reban ayam terbuka kepada reban bertutup.

Maka, Malaysia sedang bersedia sedia untuk menyediakan infrastruktur kukuh bagi membekalkan keperluan 12 juta ekor ayam setahun untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan.

Ini bagi menjamin bekalan sentiasa mencukupi di dalam negara dan mencapai status keterjaminan makanan terutama bekalan protein ayam.

Harga ayam dijangka terus stabil

Sementara itu, harga ayam dijangka terus stabil dengan pengukuhan Industri pembekalan ayam di dalam negara. Penjimatan subsidi sebanyak RM3 seekor sepatutnya tidak menjejaskan pasaran ayam di Malaysia.

“Penjimatan hampir RM2 bilion ini perlu disalurkan kepada sasaran tertentu untuk memantapkan rasionalisasi dasar baharu ini”

Jumlah dijamin ini dianggarkan melebihi RM1.2 bilion dan akan dialihkan kepada kumpulan memerlukan khususnya kumpulan rentan meliputi golongan B40 dan M40.

Mengambil kira kewujudan pendatang asing di Malaysia yang angka tidak rasminya melebihi enam juta orang, setiap orang hanya makan 24 ekor ayam setahun, maka nilai subsidi diterima hanya RM72 setahun.

Kumpulan T20 yang meliputi lebih enam juta penduduk secara efektif hanya kehilangan RM432 juta, manakala kumpulan B40 dan M40 merangkumi 80 peratus penduduk negara ini kehilangan RM1.9 bilion subsidi.

Sebenarnya ada satu lagi kumpulan besar akan kehilangan subsidi ini. Mereka ialah enam juta pendatang asing yang menetap di sini.

Maka, inilah matlamat utama mengapa kerajaan menarik balik subsidi ayam ini. Dengan menyaorkan program subsidi, kerajaan akan dapat menjimatkan RM432 juta yang kini dinikmati pendatang asing.

• Justeru, ke mana seharusnya penjimatan subsidi ini disalurkan. Penjimatan hampir RM2 bilion ini perlu disalurkan kepada sasaran tertentu untuk memantapkan rasionalisasi dasar baharu ini.

• Kumpulan sasar penerima bantuan terus Sumbangan Tunai Rahmah (STR) perlu diperluaskan meliputi kumpulan M40 atau T20 yang kehilangan sumber pendapatan disebabkan COVID-19 dan kegawatan ekonomi.

Jumlah bantuan boleh juga ditambah mengikut keperluan khusus, misalnya bagi mereka mempunyai ramai tanggungan keluarga.

• Sebahagian penjimatan perlu digunakan untuk membangun perniagaan atau perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam industri ternakan ayam kerana mereka dilihat lebih ikhlas dan setia dalam membantu mencapai matlamat kesejahteraan bersama.

• Di dalam jangka pertengahan dan panjang, sebahagian daripada penjimatan boleh digunakan untuk membangun industri hiliran seperti perkilangan makanan ayam tempatan menggunakan bahan dan sisa domestik seperti dedak padi, pelepah kelapa sawit, sisa perkilangan sawit dan industri makanan lain. Ini dapat membangun kumpulan peniaga baharu dalam kalangan PMKS.

Persoalan baharu pula timbul, sejauh mana penarikan balik subsidi ini berbaloi. Dalam hal ini, risiko paling besar ialah kenaikan serta-merta harga barang khususnya makanan disebabkan penghapusan subsidi ayam dalam kalangan pengusaha restoran dan makanan berasaskan ayam.

Walaupun harga ayam tidak terus naik di pasaran, pengusaha restoran dan makanan berasaskan ayam dikhuatiri menaikkan harga jualan bagi mempersiapkan diri dengan kemungkinan kenaikan harga ayam.

Paling penting, kerana ekonomi dikuasai tingkah laku penggiat industri, jangkakan reaksi ke atas harga barang perlu menjadi keutamaan untuk dipantau kerajaan dan kementerian bertanggung jawab.

Pada akhirnya pertimbangan harus dibuat bukan berusaskan ringgit dan sen yang dijamin atau hilang, tetapi kesan keseluruhan dijangka terjadi dan pengaruhnya terhadap tahap kesejahteraan keluarga.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Harga ayam RM11 sekilogram di Terengganu, RM 6.40 di Johor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	14

Harga ayam RM11 sekilogram di Terengganu, RM6.40 di Johor

KPDN periksa 1,484 premis perniagaan di seluruh negara

Oleh Samnadi Ahmad
hnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 68 premis perniagaan di seluruh negara dikesan menjual ayam melebihi harga stiling yang ditetapkan sebelum ini, iaitu RM9.40 sekilogram (kg).

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata berdasarkan pemeriksaan, harga ayam tertinggi dikesan dijual di Pasar Basah Manir, Terengganu, iaitu RM11 sekilogram.

Beliau berkata, harga paling rendah adalah Mari-Mari Supermarket di Merising, Johor pada ka-



Armizan membuat pamanian harga ayam di pasar raya di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Faedi Hamzah/bh)

dar RM6.40 sekilogram.

"Setakat jam 1 tengah hari tadi (semalam), sebanyak 1,484 premis di seluruh negara diperiksa dan daripada jumlah itu sebanyak 6.4 peratus ayam dijual

pada harga lebih tinggi berbanding sebelum ini.

"Daripada pamanian ini, kita dapati ada jurang harga yang malar dan mahal dan anggota penguat kuasa akan membuat

semakan dengan peniaga untuk mendapatkan maklumat dan malarah sebenar ia dijual melebihi RM9.40 sekilogram," katanya pada sidang media selepas mengadakan pamanian harga ayam di se-

buah pasar raya di sini, semalam. Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar dan Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam.

Pemilik kena tundakan
Armizan berkata, Kementerian itu akan meneruskan pamanian dan berdasarkan dapatan laporan diperolehi akan mengesan kawasan yang menjual melebihi harga RM9.40 sekilogram.

"Tindakan boleh diambil terhadap pemilik premis mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan 2011 (Akta 729) dan Akta Persilangan 2010 sekiranya harga ayam yang dijual tidak memuaskan," katanya.

Harga stiling ayam ditetapkan pada kadar RM9.40 sekilogram, namun Isnin lalu kerajaan mengumumkan pamanian separuh muman subsidi dan harga kawalan bagi ayam bermula semalam.

Ia sekali gus menjadikan harga jumlah sumber protein itu dijangka.

Harga turun hari pertama penamatan subsidi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	14

Harga turun hari pertama penamatan subsidi

Kuala Lumpur: Harga ayam tidak naik, malah dijual murah pada hari pertama penghapusan harga, susulan tiada subsidi mulai senailam.

Di Kangar, harga ayam segar turun kerana peniaga di Pasar Besar Sena, di sini menjual pada harga kira-kira RM8.50 satu kilogram (kg).

Peniaga, Ali Abdul Khalid, 35, berkata perbezaan harga ayam segar antara peniaga di pasar itu bergantung kepada harga pembekal.

Seorang lagi penjual, Arief Farhuddin Azizan, 25, berkata, majikan menetapkan harga jualan ayam segar di gerainya RM10 sekilogram.

"Walaupun kawalan harga dan subsidi ayam sudah diamatkan, harga kami memang tidak berubah," katanya.

Peniagaan, B Sathlavelu, 45, berkata ada penurunan sedikit harga kepada RM9 sekilogram daripada RM9.40 hingga RM11.

"Kami akan menyambut Deepavali tidak lama lagi. Diharapkan tidaklah berlaku kenaikan harga pada waktu itu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Perlis, Norziah Jaapar, berkata pemeriksaan mendapati ayam segar dijual kira-kira



Orang ramai membeli ayam segar pada kadar harga baharu berkaitan subsidi ramai di Gong Peuh, Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERSEKAM)

RM8.50 hingga RM10 sekilogram. Katanya, sebelum ini harga runcit maksimum bagi ayam standard RM9.40 sekilogram dan harga runcit ayam super RM10.40 sekilogram.

Di Kuala Terengganu, harga ayam segar turun kira-kira 15 peratus atau RM1.40 sekilogram kerana peniaga menjual antara RM7.20 dan RM7.99 sekilogram.

Peniaga ayam, Rani Salih, 63, berkata walaupun kerajaan memansuhkan subsidi senalam, tetapi ada antara peniaga sudah menurunkan harga sejak Khamsis lalu.

Seorang lagi peniaga, Ahmad



Ayam segar dijual pada harga RM7.29 sekilogram ketika tinjauan BH di Lulu Hypermarket, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Atmuddin Saad/BH)

Peniaga, Faizal Rani, 35, berkata beliau mendapat bekalan dengan harga murah dari Perak dan mengimport dari Kelantan.

"Setiap hari, saya akan membeli ayam 6,000 hingga 7,000 ekor sebelum dijual di beberapa cawangan kedai saya di Kota Bharu.

Di Georgetown, peniaga di Kompleks Pasar Ayam Bayan Baru, Mohd Fauzi Aris, 56, berkata harga runcit ayam dijualnya kekal RM9.40 sekilogram sejak seminggu lalu, namun belum pasti harga itu kekal pada masa akan datang.

"Harga ayam ini pemborong

yang tetapkan. Kami tak akan dapat tahu lebih awal. Untuk harga esok, esok baru tahu.

"Jualen kami tidak terjejas kerana kebanyakan pelanggan ialah pembeli tetap yang juga pengusah kedai makan," katanya.

Di Kuching, harga ayam kekal dan tinjauan di beberapa pasar raya serta pasar utama di Satak, di sini mendapati sekor ayam standard dijual antara RM9.80 hingga RM10.80 sekilogram.

Di Kota Kinabalu, tiada perubahan harga ayam di pasar raya, pasar raya besar dan pasar basah kerana ayam dijual di antara RM11.90 hingga RM12 sekilogram.

Subsidi tamat : harga ayam kekal, dijual lebih murah

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

Dalam Negeri

12

Subsidi tamat: Harga ayam kekal, dijual lebih murah

PETALING JAYA: Penamatan subsidi dan pengapungan harga ayam bermula semalam tidak menjejaskan penguasaan kebanyakannya peniaga masih mengekalkan harga jualan atau lebih rendah berbanding harga siling RM9.40 sekilogram.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Besar Alor Setar, Kedah mendapati, peniaga ayam menjualnya antara RM7.70 hingga RM9.40 sekilogram sekali gus melaikan keseimbangan pengguna.

Seorang peniaga, Mohd. Zakir Mohd. Zahir, 27, berkata, harga ayam yang ditetapkan adalah RM7.70 sekilogram sejak semalam iaitu jauh lebih murah daripada sebelum ini.

"Semalam dan kelmarin harga jualan adalah RM7.70 sekilogram setelah mendapat bekalan daripada pemborong RM7.10. Pemborong memberi alasan ayam banyak ketika ini.

"Kami tak bercadang menaikkan harga kerana menjual mengikut harga pasaran," katanya.

Terdahulu, kerajaan mengumumkan menamatkan subsidi dan harga kawalan bagi ayam sepenuhnya bermula semalam.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, rasionalisasi daripada tindakan itu adalah untuk mengurangkan ketirisan subsidi yang turut dinikmati oleh warga asing dan penduduk berpendapatan tinggi.

PENIAGA KEKAL HARGA JUALAN DI KELANTAN

Sementara itu, harga ayam di Kelantan kekal pada harga RM8 sekilogram walaupun kerajaan menamatkan subsidi dan harga kawalan ayam.

Bagaimanapun, sebilangan besar peniaga membuat keputusan mengurangkan kuantiti jualan bahan mentah itu bagi mengelakkan berlaku lambakan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Siti Khadijah di Kota Bharu mendapati, berlaku lambakan ayam sekali gus membuatkan peniaga berada di dalam dilema.

Seorang peniaga, Zaimah Dollah, 54, berkata, setakat ini ayam masih dijual pada harga RM8 sekilogram.

Bagaimanapun, dia menjangkakan harga bahan mentah itu naik menjelang sambutan Deepavali, minggu depan.

"Walaupun tiada subsidi, saya berpandangan kerajaan perlu



PENIAGA ayam daging, Azmi Ahmad memotong ayam yang dijual di Pasar Moden Seksyen 6 Shah Alam, Selangor semalam. Rata-rata peniaga di pasar itu menjual ayam pada harga rendah iaitu RM8.40 hingga RM8.60 sekilogram berbanding harga siling RM9.40 sekilogram walaupun kerajaan menamatkan subsidi serta harga kawalan bahan mentah itu.



SEORANG pekerja pasar raya di Kuala Terengganu menyusun ayam segar untuk dijual kepada pelanggan pada hari pertama penamatan subsidi dan pengapungan harga bahan mentah itu bermula semalam.

- UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

mengawal harga ayam. Saya bimbang harga bahan mentah itu naik mendadak seterusnya memberikan kesan tidak baik kepada pengguna," katanya.

AYAM DI MELAKA KEKAL MURAH, BOLEH TAWAR-MENAWAR

Dalam pada itu, harga ayam di Melaka masih murah iaitu antara RM7.39 sehingga RM9.40 sekilogram.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Melaka, Norena Jaafar berkata, hasil pemantauan di tiga premis mendapati, ayam segar di pasar awam dijual antara RM8.90 hingga RM9.40 sekilogram sementara RM7.39 di pasar raya besar.

Katanya, pelanggan di pasar

awam masih boleh tawar-menawar dengan penjual bagi mendapatkan harga lebih murah.

"Terdapat perbezaan harga ayam di pasar awam dan pasar raya besar. Saya beri jaminan ayam di pasar raya besar adalah ayam segar dan bukan stok lama. "Hal ini kerana ramai yang beranggapan kalau (harga) ayam murah, ia adalah stok lama dan ini kita nafikan.

"Selain itu, bagi pengguna yang ke pasar awam, mereka boleh tawar-menawar dengan peniaga. Contohnya, kalau beli dua ekor ayam mereka mungkin hanya perlu membayar RM8.50 sekilogram berbanding harga sebenar RM8.90 sekilogram," katanya dalam sidang akhbar pemantauan harga ayam semalam.

HARGA AYAM TURUN DI PERLIS

Sementara itu, harga jualan runcit ayam di sekitar Perlis menunjukkan penurunan dan dipasarkan sekitar RM8.50, malah bekalannya berada dalam keadaan stabil.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Perlis, Norazah Jaapar berkata, harga ayam pada masa ini bergantung kepada bekalan dan permintaan pengguna setelah bahan mentah itu diapungkan kerajaan.

"Sekiranya harga ayam naik tinggi pada masa ini dan jika kuasa membeli pengguna itu berubah, mungkin boleh menjamin penurunan harga bahan mentah itu.

"Itulah antara kelebihan apabila harga ayam ini diapungkan yang mana kuasa ada di tangan pengguna," katanya selepas melakukan tinjauan di Pasar Besar Sena, Kangar.

TIADA PENINGKATAN HARGA DI NEGERI SEMBILAN

Dalam pada itu, tiada peningkatan bagi harga runcit ayam segar di pasaran di Negeri Sembilan walaupun kerajaan mengambil langkah menamatkan subsidi ayam berkuat kuasa semalam.

Tinjauan di beberapa pasar awam di bandar Seremban mendapati, ayam segar dijual pada harga RM9.40 sekilogram seperti sebelum ini manakala di beberapa pasar raya pula ia dijual pada harga RM7.90 sekilogram.

Seorang peniaga ayam di Pasar Ampangan, Alizan Tambi, 52, berkata, harga ayam yang dijual banyak bergantung kepada bekalan ayam dan harga yang diterima daripada pihak pembekal.

Katanya, jika bekalan ayam adalah banyak dan tidak menghadapi sebarang masalah di pasaran, harga jualan sudah tentu tidak meningkat.

"Harga ayam jika turun mak-sudnya memang bekalan ada dan banyak namun harga tiba-tiba sahaja meningkat biasanya pembekal memberitahu ayam kurang, itu sahaja alasan mereka.

"Harga memang tiada masalah namun apabila bekalan ayam tiada harga pasti akan melambung. Setakat ini harga ayam yang kami terima dari pembekal memang menunjukkan penurunan kebelakangan ini dan kami sebagai peniaga boleh 'bermafes' sedikit," katanya di sini.

Sementara itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, hasil pemantauan pihaknya mendapati, rata-rata peniaga menjual ayam pada harga yang dikawal sebelum ini iaitu RM9.40 sekilogram.

RESTORAN HAMEEDIYAH KEKAL HARGA HIDANGAN

Restoran nasi kandar tertua negara, Restoran Hameediyah di George Town, Pulau Pinang masih mengekalkan harga hidangan berasaskan ayam di kesemua rangkaian restoran tersebut.

Pengurus Restoran Hameediyah, Muhammad Riyaz Syed Ibrahim berkata, setakat ini semua masakan berasaskan ayam tidak dinaikkan iaitu sekitar RM9 hingga RM10 mengikut jenis masakan.

"Ayam yang kita jual dipotong empat dan harganya masih sama setakat ini walaupun harga jualan ayam mentah tidak lagi dikawal kerajaan.

"Kami akan umumkan kepada pelanggan sekiranya berlaku kenaikan harga makanan di restoran, namun sekarang belum ada kenaikan harga di restoran kami," katanya.

Menurut beliau, pihaknya tidak dapat menjangka sehingga bila harga ayam yang dijual di restoran berkenaan dapat dikekalkan kerana bergantung kepada harga ayam mentah yang diperoleh daripada pembekal.

Cat groomer bukan sekadar mandi, cantikan kucing

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

Relevan

24-25

Cat groomer bukan sekadar mandi, cantikan kucing

community

ikon



KADANG bukan sekadar memerah persembahan kecil-kecilan, kucing kerap dipanggil sebagai makhluk yang sangat memikat perhatian. Persekitaran yang bersih dan cantik akan membuatkan kucing merasa lebih nyaman dan sihat.

Anas Mansor
 • Professional Advisor Cat Grooming (Certified PGCA)
 • International Pet Show (IPC) 2019
 • Pet Show (IPC) 2018
 • Pet Show (IPC) 2017

Kucing merupakan persembahan kepada bakteria dan parasit serta terdedah kepada kekotoran hasil daripada minyak yang dikeluarkan oleh badannya. Disebabkan itu, bulu menjadi kotor dan berjamur, melaik kucing berbulu panjang serta lebih perlu perhatian dalam penjelajarannya.”
 — Anas

“Terdapat dua langkah penting dalam penjagaan kucing yang betul. Langkah pertama adalah memastikan kucing anda sentiasa sihat dan sihat. Langkah kedua adalah memastikan kucing anda sentiasa cantik dan cantik. Untuk memastikan kucing anda sentiasa sihat, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa makan dan minum dengan betul. Untuk memastikan kucing anda sentiasa cantik, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa mandi dan cantikan dengan betul.”

“Terdapat dua langkah penting dalam penjagaan kucing yang betul. Langkah pertama adalah memastikan kucing anda sentiasa sihat dan sihat. Langkah kedua adalah memastikan kucing anda sentiasa cantik dan cantik. Untuk memastikan kucing anda sentiasa sihat, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa makan dan minum dengan betul. Untuk memastikan kucing anda sentiasa cantik, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa mandi dan cantikan dengan betul.”



“Terdapat dua langkah penting dalam penjagaan kucing yang betul. Langkah pertama adalah memastikan kucing anda sentiasa sihat dan sihat. Langkah kedua adalah memastikan kucing anda sentiasa cantik dan cantik. Untuk memastikan kucing anda sentiasa sihat, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa makan dan minum dengan betul. Untuk memastikan kucing anda sentiasa cantik, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa mandi dan cantikan dengan betul.”

“Terdapat dua langkah penting dalam penjagaan kucing yang betul. Langkah pertama adalah memastikan kucing anda sentiasa sihat dan sihat. Langkah kedua adalah memastikan kucing anda sentiasa cantik dan cantik. Untuk memastikan kucing anda sentiasa sihat, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa makan dan minum dengan betul. Untuk memastikan kucing anda sentiasa cantik, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa mandi dan cantikan dengan betul.”



“Terdapat dua langkah penting dalam penjagaan kucing yang betul. Langkah pertama adalah memastikan kucing anda sentiasa sihat dan sihat. Langkah kedua adalah memastikan kucing anda sentiasa cantik dan cantik. Untuk memastikan kucing anda sentiasa sihat, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa makan dan minum dengan betul. Untuk memastikan kucing anda sentiasa cantik, anda perlu memastikan kucing anda sentiasa mandi dan cantikan dengan betul.”

Tiada kenaikan ketara harga ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	4



TIADA KENAIKAN KETARA HARGA AYAM 4 & 6

HARGA ayam di pasaran seluruh negara selepas subsidi dan kawalan harga ditamatkan bermula Rabu tidak menunjukkan sebarang kenaikan mendadak, malah harga bahan mentah itu di beberapa lokasi didapati dijual lebih rendah daripada harga kawalan RM9.40 sebelum ini.

Harga ayam masih stabil

Penamatan subsidi dan harga kawalan ayam yang bermula Rabu, menunjukkan tiada peningkatan ketara, sebaliknya kebanyakan tempat masih mengekalkan harga sekitar RM6.49 hingga RM9.90 bagi setiap kilogram (kg).

Ia berdasarkan hasil tinjauan harga di negeri Semenanjung seperti Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan Kelantan.

Para peniaga memaklumkan, antara sebab mereka masih mengekalkan harga bekalan mentah itu kerana kos daripada pembekal tidak berubah.

Ada juga yang menjangkakan berlaku penurunan harga ayam berdasarkan trend semasa pembekal dan kembali naik dalam tempoh seminggu dua akan datang, namun tidak membebani pengguna.



Selain itu, harga ayam di sekitar Ipoh, Perak pula dijual pada sekitar RM9.40 hingga RM10.50 setiap kg berbanding RM7.90 hingga RM9 sebelum ini.

Dilaporkan juga hampir kesemua peniaga menyatakan tidak akan mengenakan sebarang caj potong ayam kerana menganggap ia perkhidmatan percuma yang perlu diberi kepada pelanggan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pembentangan Belanjawan 2024, mengumumkan kawalan harga sementara bagi telur dan ayam yang ditetapkan sebelum ini akan dilepaskan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan tersebut di pasaran.

Beliau berkata, sejak Februari 2022, subsidi telur dan ayam yang sebelum ini hanya diperkenalkan semasa musim perayaan tetapi ia diteruskan dengan



Peniaga menjual ayam ketika tinjauan di pasar basah sekitar Kuala Lumpur.

tanggung kerajaan sejak itu sebanyak RM3.8 bilion.

Pada Sabtu lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memberi jaminan bahawa harga ayam akan berada di bawah

paras siling selepas subsidi dan kawalan ditamatkan.

Tambah Mohamad, subsidi dan kawalan harga bagi telur ayam grad A, B dan C, juga diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

Tidak berubah, dijual lebih rendah

KUALA LUMPUR

Harga ayam selepas subsidi dan kawalan harga ditamatkan bermula Rabu, menunjukkan tidak berlaku kenaikan harga mendadak.

Sebaliknya, tinjauan di Pasar Harian Selayang dan sekitarnya mendapati, bahan mentah itu dijual pada harga lebih rendah sehingga RM8.40 sekilogram (kg).

Tidak kurang juga antara peniaga yang mengekalkan harga sama seperti hari sebelumnya selain tidak mengenakan caj perkhidmatan atau kos upah potong kepada pengguna.

Seorang peniaga, Bukhari Yaakob, 68, berkata, harga ayam dijual RM8.40 satu kg pada Rabu, berbanding RM8.70 sehari sebelumnya.

Menurutnya, ia lebih rendah berbanding harga siling ditetapkan kerajaan sebelum ini iaitu RM9.40 per kg disebabkan memperoleh harga rendah daripada pembekal.

"Pembekal letak harga rendah disebabkan ada kelebihan stok. Ayam dari reban ini perlu dikeluarkan bagi mengelak lambakari."

"Stok kini dilihat stabil dan berat ayam juga sudah lepas 1.8kg. Ada juga mencecah hingga 3kg berbanding ketika masalah stok dulu, beratnya ada yang kurang 1kg," katanya.

Bukhari yang berpengalaman selama 35 tahun dalam perniagaan ayam berkata, berlaku tiga kali penurunan harga memabatkan bekalan itu sepanjang Oktober lalu.



BUKHARI

Masih boleh dibeli - Peniaga

PASIR PUTEH

Pengapungan harga ayam bermula Rabu, menyaksikan jualan bahan mentah itu kekal murah sebagaimana sebelum ini.

Tinjauan Sinar Harian di beberapa premis jualan ayam mendapati, harga antara RM6.49 hingga RM7.99 untuk seekilogram (kg), sekali gus lebih rendah dari harga kawalan sebelum ini iaitu RM9.40.

Seorang pekerja kedai ayam, Zainal Udin, 46, berkata, harga bahan mentah itu dijual dengan RM6.49 per kg.

"Paling mahal yang pernah saya



KHAIRUL SINWA

jual ialah RM8.40 dan RM6.49 merupakan paling murah setakat ini," katanya.

Jelasnya, bagaimanapun caj pemotongan ayam tidak akan dikenakan walaupun tiada lagi subsidi.

Bagi peniaga di Bukit Abal di sini, Khairul Sinwa, 31, dia sudah bersedia dengan sebarang kemungkinan selepas mengetahui tentang pemansuhan subsidi itu.

"Saya jangka tidak lama lagi harga ayam naik sekitar RM9."

"Walaupun naik, saya tidak akan caj untuk pemotongan ayam, kerana ia perkhidmatan percuma," katanya.

Peniaga masih patuh

ALOR SETAR

Majoriti pemborong dan peniaga ayam di negeri ini mematuhi garis panduan penamatan subsidi dan harga kawalan bekalan makanan mentah itu.

Seorang pengguna, Hadri Munir Mohd Yusof, 37, berkata, usaha yang dilakukan oleh kerajaan bertujuan membantu bagi mengurangkan kos perbelanjaan rakyat yang terbeban berikutan kenaikan harga barangan.

Akan tetapi pelaksanaan ini



KEDAH

perlu dipantau oleh kerajaan bagi mengelak cubaan peniaga untuk ambil kesempatan (atas penarikan subsidi ayam)," katanya yang bekerja sebagai juruteknik di sebuah kilang.

Seorang lagi pengguna, Mahusin Ahmad, 30, berkata, pihak berkuasa seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu memantau secara berkala bagi memastikan peniaga menjual ayam pada harga munasabah.

Trend harga ayam dijangka menurun

KUANTAN

Peniaga di daerah ini menjangkakan trend harga ayam terus menurun, selepas kerajaan menamatkan subsidi bahan mentah itu pada Rabu.

Tinjauan di Pasar Besar Kuantan dan Pasar Balok di sini, mendapati jualan bahan mentah itu masih murah iaitu RM9.20 seekilogram berbanding RM10.40 pada Selasa.

Peniaga ayam 'segar, Ali Akbar Othman, 52, berkata, penetapan harga rendah daripada pembekal membolehkan peniaga menjual ayam pada harga lebih murah.

"Kalau ikutkan trend daripada pembekal sekarang ini harga (semakin) menurun. Saya jangkakan (harga) mungkin (akan) stabil."

"Ini memberi kelegaan kepada peniaga dan pengguna. Saya bersetuju dengan langkah kerajaan membuat pengapungan pada ketika ini," katanya.



PAHANG

Harga ayam ikut pembekal

Susunan penamatan subsidi ayam, seperti dijangka berlaku peningkatan harga jualan bagi seekilogram ayam sekitar RM1 hingga RM2.

Tinjauan di bandar ini mendapati, harga ayam dijual sekitar RM9.40 hingga RM10.50 seekilogram (kg) berbanding RM7.90 hingga RM9 sebelum ini.

Peniaga yang ditemui memaklumkan, peningkatan harga disebabkan pembekal menawarkan harga baharu.

Namun terdapat peniaga yang mengekalkan harga jualan kerana bekalan diambil sebelum 1 November. Bagi seorang peniaga, Mohamed Anib Allah, ke dainya masih mengekalkan harga RM7.90 per kg kerana bekalan ayam diambil sebelum pengapungan harga dibuat.



PERAK

Kurang 5 peratus premis jual mahal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	6

Kurang 5 peratus premis jual mahal

KPDN kesan 68 premis jual ayam melebihi kadar harga siling

PUTRAJAYA

Sebanyak 4.6 peratus atau hanya 68 daripada 1,484 premis yang diperiksa di Semenanjung, menjual ayam pada kadar melebihi harga siling.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, setakat jam 1 petang, harga ayam tertinggi dikesan dijual di Pasar Basah Rompin, Pahang dan Pasar Basah Manir, Terengganu iaitu RM11 sekilogram (kg).

"Harga terendah pula direkodkan di Pasar raya Mari-Mari Mersing, Johor iaitu pada RM6.49 per kg," katanya menerusi sidang akhbar selepas meninjau harga ayam di sebuah pasar raya di sini pada Rabu.

Menurutnya, Kementerian akan mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan bagi me-

lihat secara mikro kawasan yang mempunyai jualan melebihi harga RM9.40 termasuk lokaliti dan jenis premis.

"Kita ingin memastikan penguat kuasa turun ke setiap premis melihat isu sebenar, sama ada bekalan dan kos operasi sehingga menyebabkan mereka tidak boleh menjual di bawah harga di bawah RM9.40," katanya.

Tegas beliau tindakan pemantauan dilakukan termasuk aspek penguatkuasaan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan.

"Tindakan boleh diambil terhadap pemilik premis mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) dan Akta Persaingan 2010 sekiranya harga ayam yang dijual tidak munasabah," katanya.

Harga siling ayam ditetapkan RM9.40 per kg, namun pada Isnin lalu, kerajaan mengumumkan penamatan penuh pemberian subsidi dan harga kawalan bagi ayam bermula 1 November 2023.

Ia sekali gus menjadikan harga jualan sumber protein itu dipungkan.

Armizan juga tidak menolak kemungkinan harga makanan akan meningkat sekiranya ayam



Armizan (kanan) meninjau harga ayam sewaktu Sesi Pemantauan Harga Barang di Lotus's IOI City Mall, Putrajaya pada Rabu.



FOTO: AGRI AWANWA SHUNDA

mentah dijual pada harga tinggi. "Itu satu risiko yang mungkin boleh timbul iaitu kesan kepada industri lain.

"Kalau harga makanan tinggi, sila buat aduan di platform yang disediakan dan kami akan semak pembekal, kos pengeluaran dan keuntungan, mereka sebelum tindakan diambil," katanya.

Aduan boleh disalurkan menerusi aplikasi WhatsApp di talian 019-279 4317 atau 019-848 8000, menerusi portal aduan e-aduan.kpdnhp.gov.my, hubungi

pusat kawalan 1-800-886-800, e-mel di e-aduan@kpdnhp.gov.my atau Ez ADU KPDN.

Terdahulu di KUALA LUMPUR, Armizan sewaktu menggulung perbincangan Belanjawan 2024 mewakili KPDN di Dewan Rakyat berkata, harga ayam dijangka tidak meningkat dengan penamatan subsidi dan harga kawalan.

Jelasnya, keyakinan itu berlandaskan jaminan yang diberikan pihak industri terlibat.

"Pastinya sebelum membuat

keputusan itu (untuk tamatkan subsidi), sesi libat urus dilakukan dengan industri dan mereka memberi jaminan.

"Kita minta mereka bekerjasama memastikan bukan sahaja bekalan (mencukupi) tetapi (harga yang ditawarkan juga) munasabah," kata beliau.

Tambahnya, KPDN juga menyedari risiko kewujudan kartel meliputi harga, pasaran, pengeluaran dan bidaan, namun usaha berterusan dibuat bagi mengekang unsur tersebut.

Pengguna perlu bijak banding harga - FOMCA

KUALA LUMPUR - Susulan bermulanya pengapungan harga ayam, pengguna disaran bijak memilih lokasi bagi membeli bahan mentah itu pada harga sesuai dengan kemampuan masing-masing.

Bendahari Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin berkata, cara paling mudah untuk membuat perbandingan harga melalui aplikasi mudah alih Price Catcher yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). "Pengguna sudah boleh buat pilihan. Apabila harga dipungkan, maknanya ia dah kembali ke fitrah asal ekonomi iaitu penawaran dan permintaan.

"Kita sebagai pengguna boleh membuat pilihan terutama melalui aplikasi Price Catcher yang bukan sahaja boleh membandingkan harga ayam, tetapi juga bahan lain. Jadi kita boleh tengok pasar raya mana yang jual ayam (pada harga yang) lebih rendah," katanya.

Beliau turut menasihatkan pengguna untuk membuat laporan kepada KPDN sekiranya mendapati terdapat peniaga yang menaikkan harga ayam dengan ketara. - Bernama

KPDN intai harga ayam pada hari pertama

SHAH ALAM - Lebih 2,300 anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) seluruh negara dikerah memantau harga ayam pada hari pertama pelaksanaan penamatan subsidi dan harga kawalan bekalan itu pada Rabu.

Pemeriksaan dijalankan bagi memastikan peniaga tidak melanggar peraturan meletakkan harga ayam melebihi harga siling ditetapkan.

Di **NEGERI SEMBILAN**, Pengarah KPDN negeri, Muhammad Zahir Mazlan berkata, kebanyakan peniaga masih mengekalkan harga sebelum ini.

"Kita akan melakukan semakan terhadap dokumen tambahan diberikan oleh peniaga, jadi kita dapat lihat harga ditawarkan munasabah atau tidak," katanya.

Di **MELAKA**, peniaga ayam segar di negeri ini akur dan tidak mengenakan sebarang caj pematangan ayam kepada pengguna.

Pengarah KPDN Melaka, Norena Jaafar berkata, langkah itu dapat memberi peluang kepada pengguna membeli ayam dengan harga berpatutan tanpa dikenakan sebarang caj tambahan.

"Rata-rata peniaga di pasar awam menjual Serendah RM8.50 sekilogram (kg) manakala pasar raya yang kita jumpa RM7.39," katanya.

Di **KUALA TERENGGANU**, Pengarah KPDN negeri, Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya menggiatkan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011.

Katanya, seramai 117 pegawai penguat kuasa dan 58 pegawai pemantau harga di pasar raya dan pasar basah di seluruh negeri.

"KPDN Terengganu ingin memberi peringatan kepada peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga," katanya.

Di **ALOR SETAR**, mana-mana pihak yang mengambil



Saharuddin (kanan) memantau harga ayam segar yang dijual di sebuah pasar raya di Kuala Terengganu pada Rabu.

kesempatan dengan menaikkan harga ayam berdepan tindakan undang-undang.

Pengarah KPDN Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, pihaknya tidak berkompromi dan tindakan akan diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang menaikkan Harga ayam sewenang-

wenangnya," katanya. Di **KOTA BHARU**, KPDN Kelantan supaya tidak membuat pembelian panik ke atas ayam susulan kerajaan bertindak mengapungkan harga bahan mentah itu. Pengarahnya, Azman Ismail berkata, tiada keperluan untuk berbuat demikian kerana bekalan bahan mentah itu mencukupi.

Orang ramai harap harga ayam kekal

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

Kosmo


Negara

14

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB, LUQMAN RIDHWAN MOHD NOR, SYED AZLAN SAYID HIZAR, JAMLIH ABDULLAH, dan NOR SHAFAWATI YUP



PENGARAH KPND Kedah, Affendi Rajini Kanth (kanan) meninjau harga ayam di Pasar Besar Alor Setar semalam. - SHAHIR NOORDIN



ORANG ramai teruja apabila peniaga di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam menjual ayam antara harga RM8.40 hingga RM8.60 sekilogram. - AFIQ RAZALI

Rata-rata terkejut bahan mentah itu dijual di bawah RM9.40

Orang ramai harap harga ayam kekal

PETALING JAYA - Rata-rata orang ramai yang ditemui semalam mengharapkan agar harga ayam terus stabil berikutan penamatan subsidi terhadap bahan mentah itu dan harga apungan mula dilaksanakan semalam.

Malah tinjauan Kosmo! di beberapa negeri mendapati, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) giat melakukan pemantauan harga makanan itu.

Di **Kangar**, seorang pengguna, Salmah Ismail, 56, berkata, dia yang sering memerlukan bekalan ayam untuk jualan di kedai makannya berharap tidak ada pihak yang mengambil peluang memanipulasikan harga selepas ini.

"Hari ini saya lihat harga ayam yang dijual masih lagi stabil dan

kita harap ia akan terus stabil dan tidak ada komplot untuk menaikkan harga ikut suka hati.

"Saya juga mohon kepada pihak KPND agar sentiasa memantau harga dan bekalan terutama di peringkat pembekal agar ia tidak menekan pengguna terutama peniaga seperti saya," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Sena, Kangar semalam.

Katanya, sebagai peniaga kedai makan, dia serba salah untuk menaikkan harga jualan jika berlaku peningkatan harga kerana ia membebankan pengguna dalam keadaan kos sara hidup yang sedang meningkat.

Di **Alor Setar**, menurut seorang pelanggan, Khatijah Mat Jan, 70, yang berasal dari Kuala Lumpur, dia terkejut setelah

melihat harga ayam di Pasar Besar Alor Setar jauh lebih murah berbanding ibu kota.

"Mula-mula rasa risau juga takut peniaga naikkan harga sebab kerajaan sudah tarik balik subsidi, tetapi tengok harga macam biasa, malah ada yang jual ayam jauh lebih murah.

"Saya berharap harga ini kekal dan tidak ada peniaga yang ambil kesempatan untuk naikkan

harga selepas ini," katanya.

Di **Shah Alam**, rata-rata pengguna di Pasar Moden Seksyen 16 terkejut dan teruja apabila harga ayam turun antara RM8.40 dan RM8.60 sekilogram pada hari pertama penamatan subsidi ayam semalam.

Seorang kakitangan kerajaan, Ammar Izhah, 33, berkata, penurunan itu dapat mengurangkan perbelanjaan mingguan pembelian ayam kira-kira RM20 berbanding RM40 sebelum ini.

Namun katanya, ia baru hari pertama dan pastinya harga tersebut akan sentiasa diperhatikan pengguna setiap minggu.

"Ramal gambar-gambar bahawa harga akan naik pada hari pertama subsidi ditamatkan, namun ternyata meleset.

"Sudah tentu, saya berharap tiada sebarang pihak mengambil kesempatan dalam proses apungan harga ini," ujarnya.

Seorang lagi kakitangan kerajaan, Yazid Naim berkata, harga rendah ayam melegakan kerana bahan mentah itu adalah makanan yang mempunyai khasiat protein terbaik.

Ujarnya, ini memandangkan harga ikan yang agak tinggi terutama apabila negara berdepan Monsun Timur Laut.

"Memang aku terkejut sebab sebelum ini harganya RM9.40 sekilogram. Anak-anak pun suka makan ayam," katanya.

Baru-baru ini Kosmo! melaporkan, kerajaan mengemukakan untuk menamatkan subsidi dan harga kawalan bagi ayam sepenuhnya bermula semalam.



Peniaga tidak cadang caj lebih, harap stok stabil

ALOR SETAR - Penamatan subsidi dan kawalan harga ayam bermula semalam tidak menjelaskan pengguna ekoran peniaga menjual rendah daripada harga siling RM9.40 sekilogram (kg) yang ditetapkan sebelum ini.

Tinjauan di Pasar Besar Alor Setar mendapati, peniaga ayam menjual antara RM7.70 hingga RM9.40 per kg, sekali gus melancarkan keseimbangan pengguna.

Menurut seorang peniaga, Mohd. Zakir Mohd Zahir, 27, harga ayam yang ditetapkan adalah RM7.70 satu kg sejak semalam.

"Hari ini dan semalam kami jual RM7.70 setelah dapat kami jual daripada pemborong RM7.10. Pemborong memberi alasan ayam banyak ketika ini.

"Kami tak bercadang untuk menaikkan harga lebih daripada



JASRIZAL (kanan) ketika melayan pelanggannya di Kangar semalam.

itu kerana kami menjual mengikut harga pasaran," katanya.

Ujarnya, peniaga tidak menantikan terdapat pembelian panik kelmari ekoran keputusan kerajaan untuk menamatkan subsidi kepada penternak itu.

Menurut Wan Mohd. Afiq Wan Ahmad Fauzi, 26, dia menjual ayam pada harga RM8.50 sekilogram jauh lebih murah daripada RM9.40.

"Kami akan berusaha menjual harga ayam di bawah RM9.40

setiap kg. Jika pembekal menaikkan harga kita mempunyai alternatif lain untuk memastikan pengguna tidak terbeban" katanya.

Di **Kangar**, seorang peniaga di Pasar Besar Sena, Jasrizal Su, 45, berkata, harga jualan runcit bergantung kepada pembekal barangan itu.

"Hari ini, harga jualan ayam RM9.40 sekilogram dan ia adalah dalam lingkungan harga seperti sebelum kerajaan umum penarikan subsidi ayam.

"Saya juga mempunyai harapan sama seperti pelanggan saya iaitu berharap agar bekalan ayam sentiasa stabil," jelasnya.

Di **Seremban**, peniaga di Pasar Besar Seremban dan Pasar Ampangan tetap mengekalkan harga antara RM9.40 hingga RM9.90.

Peniaga Ayam Segar Marina,

Shahril Rashid, 60, berkata, dia masih mengekalkan harga RM9.40 sekilogram, berikutan tidak mahu membebankan pelanggan terutamanya B40.

"Kami peniaga di sini sepakat tidak akan menaikkan harga. Kita juga tidak kenakan sebarang caj potong ayam dan berharap harganya tidak akan melonjak naik dengan ketara," ujarnya.

Di **Ipoh**, tinjauan di sekitar bandar raya ini, Batu Gajah dan Manjung mendapati, ada peniaga menjual ayam pada harga RM9 berbanding RM9.40 kelmari.

Seorang peniaga, Mohd. Alwi Mohd. Nor, 52, berkata, ia ekoran pihak pembekal menjual ayam kepada mereka pada harga lebih rendah berbanding sebelum ini iaitu sekitar RM7.50 sekilogram (per kg) kepada RM6.50 per kg.

Kaji semula penamatan subsidi ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Harakah	Kolumnis	H4

Kaji semula penamatan subsidi ayam

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA TERENGGANU: Kerajaan diharapkan kaji semula subsidi dan kawalan harga ayam yang ditamatkan sepenuhnya bermula 1 November.

Naib Presiden PAS, Datuk Idris Ahmad, berkata, kajian itu bagi memastikan supaya harga ayam yang merupakan sumber protein semua lapisan masyarakat itu tidak meningkat.

"Ayam merupakan sumber protein bagi semua lapisan masyarakat daripada B40, M40, T20, ini antara bahan makanan utama yang diambil oleh rakyat.

"Kalau nak mengharap-

man Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu tentang penamatan subsidi dan kawalan harga ayam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Serai berkata, pengapungan harga ayam sudah tentu mendorong kepada kenaikan harga ayam.

"Apabila kerajaan mengambil langkah yang drastik begitu, mahu tidak mahu mungkin harga ayam akan naik daripada sekarang ini.

"Mungkin naik celah sehingga RM12 sekilogram. Dengan keadaan rakyat yang dihimpit dengan kenaikan kos sara hi-

dup yang lain seperti beras tempatan yang tidak ada di pasaran, tiba-tiba subsidi ayam pula ditarik.

"Dalam masa sama, kita dapat lihat petani petani dihimpit dengan kenaikan harga input pertanian yang tinggi sedangkan harga padi pula tidak tinggi.

"Maka sudah tentulah akan membebankan, begitu juga dengan suasa musim tengkujuh pada hari ini yang menimpa kepada nelayan yang tidak boleh pergi ke laut dan tidak dapat nak menoreh getah. Semua ini akan memberikan kesan kepada kehidupan mereka," katanya.



Datuk Idris Ahmad

kan harga turun, agak mustahil. Lebih-lebih lagi apabila subsidi untuk ayam ditarik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumu-

Harga stabil tanpa kenaikan mendadak

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

Harian Metro

Lokal

10

Peniaga kekal harga

Kuala Lumpur: Harga ayam segar di Perlis tidak menunjukkan kenaikan mendadak apabila dijual sekitar RM8.50 hingga RM10 sekilogram (kg) susulan penamatan subsidi dan kawalan harga bekalan itu bermula semalam.

Sebelum ini, harga runcit maksimum bagi ayam standard adalah RM9.40 1kg, manakala harga runcit ayam super adalah RM10.40.

Manakala di Georgetown, rata-rata peniaga mengekalkan harga ayam apabila dijual pada harga RM8.50 hingga RM9.40 bagi 1kg.

Harga ayam kekal RM9.40 untuk 1kg di Pasar Awam Bayan Baru, Pasar Balik Pulau, Pasar Chowrasta, Pasar Jalan Patani dan Pasar Farlim, manakala RM8.50 1kg di Pasar Padang Tembak.

Tinjauan di **Pasar Besar Alor Setar, Kedah** mendapati ayam segar dijual pada harga antara RM7.70

hingga RM8.50 sekilogram (kg) berbanding harga siling ditetapkan kerajaan sebelum ini iaitu RM9.40 sekilogram.

Di Kuala Terengganu, harga ayam segar di negeri ini turun sebanyak 15 peratus daripada harga siling ditetapkan pada hari pertama penamatan subsidi sumber protein itu.

Tinjauan mendapati kebanyakan peniaga menjual ayam pada harga antara RM7.20 hingga RM7.99 sen 1kg, berbanding harga siling RM9.40 sebelum ini.

Sementara di **Kota Bharu,** harga ayam standard dijual antara RM6.40 hingga RM6.70 untuk 1kg di Pasar Peringat dan Pasar Pasir Tumbuh, semalam berbanding RM8, kelmarin.

Manakala di **Johor Bahru,** harga ayam segar di beberapa pasar di bandar raya ini masih mengekalkan harga siling iaitu RM9.40 sekilogram.



PENIAGA memeriksa tahap kesegaran ayam yang dijual ketika tinjauan harga ayam di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, semalam. Gambar NSTP/SADIQ SANI

Harga stabil tanpa kenaikan mendadak

Ayam segar di Lembah Klang masih dijual di bawah, sama pada harga siling RM9.40

Oleh Noor Hidayah Tanzilzi
hidayah.tanzilzi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiada kenaikan harga mendadak bagi ayam bulat segar di sekitar Lembah Klang bapapun penamatan sepenuhnya pemberian subsidi dan harga kawalan bagi bahan mentah itu berkuat kuasa semalam.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Chow Kit semalam, mendapati harga ayam masih dijual antara RM9 sehingga RM9.40 sekilogram.

Di Pasar Harian Kuala Lumpur pula, sebahagian besar peniaga menjual antara RM8 hingga RM9 sekilogram apabila ia masih dijual di bawah dan sama pada harga siling sebelum ini iaitu RM9.40.

Pemerhatian juga mendapati, kehadiran pelanggan juga seperti hari lain dan bekalan bahan mentah itu masih banyak di Pasar Chow Kit manakala di Pasar Harian Kuala Lumpur, ada peningkatan pelanggan selain bekalan cepat habis.

Peniaga ayam di Pasar Chow Kit, Naquiddin Mohd Fauzi, 21, berkata, semalam, harga jualan di pasar berkenaan masih sama iaitu RM9 sekilogram.

HARGA AYAM (satu kilogram)

KUALA LUMPUR

- Pasar Chow Kit RM9 hingga RM9.40
- Pasar Harian Kuala Lumpur RMB Ningo RM9

SELANGOR

- Pasar Maden Sekoyen 25, Shah Alam RM9.40
- Pasar Basah Sekoyen 6, Shah Alam RM8.40 hingga RM8.60

KELANTAN

- Pasar Peringat RM6.40 hingga RM6.70
- Pasar Pasir Tumbuh RM6.40 hingga RM6.70

MELAKA

- Pasar Awam Bachang RM8.90

PULAU PINANG

- Pasar Awam Bayan Baru RM9.40
- Pasar Pulau Tikus RM8.80
- Pasar Balik Pulau RM9.40
- Pasar Padang Tembak RM9.40



PERLIS

- Pasar Besar Sena, Kangar RM8.50 hingga RM10

KEDAH

- Pasar Besar Alor Setar RM7.70 hingga RM8.50

PERAK

- Pasar Awam UTC Ipoh RM9.40

SABAH

- Pasar Besar Kota Kinabalu RM12
- Pasar Inanam RM12

SARAWAK

- Pasar Satok RM9.80 hingga RM10.80

lum ini.

"Sekarang, harga sudah stabil dan kami terus hasuskan caj itu. Kami harap penternak dan pelanggan dapat kekalkan harga seperti ini kerana jika mereka jual pada harga tinggi, kami terpaksa naikkan harga jualan," katanya ditemui.

Seorang lagi peniaga ayam, Nur Farah Izzati Halim, 25, semalam, dia memperoleh bekalan ayam daripada tiga pembekal pada harga yang masih rendah.

Peniaga Pasar Harian Kuala Lumpur, Noordilla Aida Othman, 39, berkata, dia menjual ayam segar pada harga RM8 hingga RM9 sekilogram sejak beberapa bulan ini, namun mengakui harga jualan juga perlu melihat kepada harga pembekal.

"Harga daripada pembekal agak rendah dan saya memang mahu jual harga berpatutan biarpun untung hanya 50 sen sehingga RM1 saja.

"Kalau jual mahal, pelanggan pula terkesan. Untung berkenaan sudah cukup baik bagi saya.

"Hari ini (semalam), ayam habis dijual jam 10 pagi. Ramai yang beli kerana mereka bimbang harga meningkat," katanya.



ARIFFIN (tiga dari kiri) melakukan tinjauan harga ayam di sebuah pasar raya di Kuala Lumpur, semalam.

Jual lebih murah

Kuala Lumpur: Dua pasar raya di sekitar ibu kota menjual ayam segar pada harga lebih murah semalam iaitu hari berkuat kuasanya penamatan subsidi serta kawalan harga bahan mentah berkenaan.

Hasil tinjauan Harian Metro di sebuah pasar raya di Jalan Munshi Abdullah di sini, ayam segar dijual pada harga RM7.29 sekilogram berbanding minggu lalu iaitu RM8.40 sekilogram. Tinjauan di sebuah lagi pasar raya di pusat beli belah Beraya Times Square mendapati, ia dijual pada harga RM7.59 sekilogram berbanding sebelum ini iaitu antara RM8.40 hingga RM9 sekilogram.

Pekerja swasta, Amalin Nasir, 26, berkata, penurunan harga jualan berke-

naan cukup signifikan. "Apabila subsidi serta kawalan harga ditamatkan, saya dapati harga jualan turun mendadak selain tiada had pembelian. "Ia bukan saja lebih menjimatkan, malah memudahkan kami untuk membeli lebih daripada seekor ayam," katanya kepada Harian Metro.

Bagi Izan Ariffin, 34, harga ayam di pusat beli belah berkenaan konsisten dan sesuai untuk dibeli secara borong.

Sementara itu, Pengarah Perlagangan Dalam Negeri dan Hal Elwal Pengguna Kuala Lumpur Ariffin Samsuddin berkata, pemantauan dijalankan bertujuan bagi membandingkan harga di pasar raya dan pasar basah.

Katanya, peniaga juga tidak mengenakan caj pemotongan ayam kerana mengakui harga daripada pembekal sudah stabil. Menurutinya, harga ayam semakin menurun dan kini stabil sejak hampir dua bulan lalu, namun berharap harga itu akan terus stabil

tanpa kenaikan mendadak. "Sebelum ini, harga ayam kami dapat (daripada pembekal) agak mahal, pernah cecah RM10 sekilogram.

"Namun, kami perlu jual ikut harga siling RM9.40. Sebab itu kami kenakan caj pemotongan untuk kos lain kerana tiada untung sebe-

Harga ayam diapungkan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Suara Sinar	Online



SAMA-SAMALAH kita tengok kesan tindakan kerajaan untuk tamatkan pemberian subsidi dan penetapan harga ayam mulai semalam.

Ini bukan langkah mudah. Tentulah Kementerian di bawah Tuk Seri Mat Sabu dah kaji semasak-masaknya tindakan itu. Tindakan apungkan harga ayam ikut permintaan pasaran ada risiko yang tersendiri.

Macam-macam boleh berlaku. Ayam boleh hilang dari pasaran.

Ada juga tindakan tamak sesetengah pihak untuk pastikan harga ayam melambung tinggi.

Nampaknya kerajaan bersungguh-sungguh untuk buat reformasi subsidi. Dalam tahun ini dijangka kos subsidi cecah RM80 bilion.

Untuk subsidi ayam dan telur sahaja jumlahnya adalah RM3.8 bilion. Tak bertanggung beban itu pada kerajaan.

Kerajaan dah mulakan dengan menyasarkan subsidi elektrik. Awang nak puji Mat Sabu yang libatkan industri dari peringkat awal dalam soal ini.

Nampaknya pemain industri berjanji akan beri kerjasama.

Adalah dilaporkan bahawa Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) jangkakan harga ayam akan tetap di bawah RM9.40 sekilogram.

Awang harap rakyat juga faham mengapa tindakan ini diambil.

Memang subsidi perlu tapi beban subsidi yang melampau akan jejakan kos perbelanjaan kerajaan yang patut digunakan untuk pembangunan rakyat.

Macam main pondok-pondok!

AWANG anggap langkah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) nak arahkan penganjur konsert bersedia dengan *kill switch* macam langkah budak-budak.

Macam main pondok-pondok pula jadinya. Ada masa *switch on*, bila tak suka *switch off*.

Apakah KKD faham implikasi tindakan ini?

Siapa yang akan tentukan apakah perbuatan seseorang atau sesuatu kumpulan dalam konsert itu melanggar peraturan hingga wajar tindakan *kill switch*?

Apakah KKD akan meletakkan seorang 'penapis' dalam setiap konsert?

Semua itu menyebabkan kalangan artis dalam negara ketawa penuh bersenda.

Bayangkan sebuah kumpulan rock yang sedang beraksi di pentas tiba-tiba suara mereka dibisukan akibat *kill switch*.

Awang dapat bayangkan laporan media antarabangsa bagaimana Malaysia 'menapis' konsert!

Awang harap bijak pandai dalam KKD carilah cara yang lebih praktikal, munasabah dan cerdik dalam menangani isu seperti ini.

Janganlah oleh sebab satu insiden KKD nak bertindak di luar kebiasaan. Ada cara lain yang lebih baik tentunya.

Mula-mula artis luar lepas itu artis tempatan pula mangsa *kill switch*. Dunia seni kita dah cukup tersepit dengan kekangan dan tapisan.

Janganlah tambah lagi bebanan untuk mengekang kreativiti seniman.

KPKM tinjau jualan ayam di tiga negeri, tiada peningkatan harga

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Suara Sinar	Online



SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengadakan tinjauan hari pertama pengapungan harga ayam di sekitar kawasan Selangor, Negeri Sembilan serta Putrajaya pada Rabu.

KPKM dalam satu kenyataan berkata, tinjauan itu bertujuan memantau ketersediaan bekalan ayam dan harga yang ditawarkan di pasaran semasa.

Menurut kenyataan itu, secara keseluruhan harga ayam adalah antara RM7.39 hingga RM9.40 sekilogram dan tiada peningkatan sepanjang rantai bekalan yang dicatatkan.

“Ia berdasarkan pemantauan dilaksanakan dan pengguna mempunyai pelbagai pilihan daripada segi harga jualan serta jenis ayam mengikut lokasi atau tempat jualan. “Aspek bekalan juga stabil dan mencukupi untuk keperluan pengguna, KPKM akan terus bekerjasama erat dengan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam memastikan kestabilan bekalan ayam di pasaran serta memantau sebarang aktiviti pencatutan yang dilaporkan,” kata kenyataan itu.

Sesi pemantauan itu diketuai Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali bersama Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri dan pegawai-pegawai terlibat. Sebelum ini, KPKM memaklumkan kerajaan bersetuju agar subsidi dan kawalan harga ayam ditamatkan sepenuhnya bermula 1 November bagi mengurangkan ketirisan yang mana pada ketika ini turut dinikmati warga asing serta golongan berpendapatan tinggi.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu bagaimanapun menjelaskan, subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C akan diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada. Tambah kenyataan itu, tinjauan di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan mendapati harga ayam standard dijual pada harga RM9.40

sekilogram dengan caj perkhidmatan pemotongan sebanyak 50 sen.

“Manakala di Pasar Raya Econsave Kota Warisan Sepang, ayam standard dijual RM8.39 sekilogram,

Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) Sungai Merab pula harga ayam super dijual pada harga RM9.20 sekilogram,” kata kenyataan itu.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**